

Lelaki Sebagai Pemimpin

(05 Januari 2024/ 23 Jamadil Akhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Isteri, anak dan keluarga adalah amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh syarak kepada seorang lelaki yang bergelar suami atau bapa melalui ikatan perkahwinan. Apabila ijab dan qabul telah dimeterai, maka bermulalah perjalanan sebuah rumahtangga yang menjadi amanah Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang sangat besar. Seorang lelaki harus sedar, betapa besarnya peranan dan tanggungjawab ke atas keluarga kerana ia bakal dipersoalkan di hadapan Allah Subhanahu wa-Ta'ala kelak. Mengabaikan tanggungjawab ini adalah berdosa. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Abdullah bin 'Amr bin al-Ash berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يُقُوْتُ

Yang bermaksud: “Cukuplah seorang lelaki itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan nafkah ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya.”

Lelaki diamanahkan menjadi ketua keluarga kerana sesuai dengan fitrah kejadiannya dan beberapa kelebihan lain berbanding wanita, sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Nisa' ayat 34:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Yang bermaksud: *“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka...”*

Allah Subhanahu wa-Ta’ala telah menganugerahkan potensi kepimpinan kepada lelaki seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional dan tidak mudah didorong oleh perasaan. Fitrah penciptaan lelaki berbeza daripada wanita. Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan penghormatan begitu tinggi yang diberikan, maka kaum lelaki berkewajipan untuk menguruskan keluarga serta mengatasi persoalan dan krisis yang timbul dalam rumah tangga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Allah Subhanahu wa-Ta’ala telah menyebut dalam al-Quran (الرِّجَالُ قَوَّامُونَ) bermaksud kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab.

Lelaki yang Qawwamun mestilah bersifat adil, berilmu, amanah, menyantuni dan cakna kepada masalah keluarga serta masyarakat di sekeliling dengan hikmah, bijaksana dan berpandangan jauh dalam setiap urusan kehidupan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah kita bersama-sama menjadi suami atau bapa yang berusaha untuk memantapkan tiga asas utama iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak dengan mendalami ilmu-ilmu berkaitan dengan perkara-perkara tersebut.

Suami atau bapa hendaklah bertanggungjawab, mengambil berat, memenuhi keperluan keluarga, serta membela isteri dan anak-anak berpaksikan petunjuk Al-Quran dan As-Sunnah seperti mengajak keluarga solat berjemaah di masjid, sentiasa membaca al-Quran, berzikir setiap hari, bersedekah, berbuat baik kepada jiran, membantu orang miskin, menghormati orang tua dan semua orang Islam di mana sahaja kita berada.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Furqan, ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.